

Malaysia dijangka mampu catat KDNK lebih tinggi'

PETALING JAYA 30 Julai — Malaysia dijangka mampu mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih tinggi daripada sasaran 4.5 peratus berdasarkan aktiviti ekonomi yang bertambah stabil dan kukuh dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan KDNK tersebut ialah pengumuman pakej strategi baru oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Mei lalu.

"Selain itu, tahap inflasi dan pengangguran yang rendah serta peningkatan industri pemakanan, perhotelan dan pelancongan dalam negeri selepas berakhirnya wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) turut menyumbang kepada pertumbuhan KDNK," katanya lagi.

Yen Yen berkata demikian semasa berucap pada majlis sarapan dan dialog bersama wakil delegasi Konvensyen Usahawan Cina Sedunia di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini hari ini.

Turut hadir di dalam majlis itu ialah Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed.

Mustapa yang ditemui pemberita selepas majlis berkenaan berkata beliau yakin aktiviti ekonomi yang semakin meningkat dan kestabilan politik mampu menarik lebih ramai usahawan China untuk melabur di negara ini.